

SKEMA PERCUBAAN SPM 2 2026 (TASAWWUR ISLAM)

SMKBS

Bahagian A [20 Markah]

- | | |
|---|--|
| 1. Zakat | 12. Saling Memahami (Tafahum) / Saling Bekerjasama (Ta'awun) |
| 2. Rasul | 13. Saling Bekerjasama (Ta'awun) / Saling Memahami (Tafahum) |
| 3. Jizyah | 14. Qazaf |
| 4. Diat | 15. Minum arak |
| 5. Umum | 16. X |
| 6. Makkiah | 17. ✓ |
| 7. Qisas | 18. ✓ |
| 8. Al-Musawah | 19. X |
| 9. Kebebasan Agama/
Perlindungan Nyawa / | 20. ✓ |
| Pemilikan Harta | |
| 10. Perlindungan Nyawa /
Pemilikan Harta / | |
| Kebebasan Agama | |
| 11. Pemilikan Harta /
Kebebasan Agama/
Perlindungan Nyawa | |

Bahagian B [80 Markah]

- 1(a) Empat kitab yang telah diturunkan oleh Allah SWT :-
 ➤ Taurat
 ➤ Zabur
 ➤ Injil
 ➤ Al-Quran [4m]
- (b) (i) Pegangan ini wujud kerana :-
 ➤ Lemah pegangan agama dalam diri(1) hingga mudah membuat tafsiran tertentu(1)
 ➤ Menggunakan logik akal semata-mata (1) dalam mentafsir hukum tanpa mendalaminya (1) [2m]
- (ii) Pandangan saya agar mesti berusaha mendalami ilmu pengetahuan bagi memberi fahaman yang menyeluruh bagi mengelak bentuk cara pemikiran sebegini (I) kerana hanya dengan pendidikan mampu mengelakkan seseorang tersasar jauh daripada ajaran Islam sebenar (H1). Kesannya akidah seseorang akan semakin kukuh (H2). Kesimpulannya kita mestilah berusaha mendidik diri untuk mendalami ilmu Islam agar kita mendapat panduan yang sebenar dan tidak sesat (K) [4M]
- (c) (i) Dua prinsip asas sistem ekonomi Islam :-
 ➤ Akidah , Syariah dan akhlak Islam sebagai teras
 ➤ Manusia sedbagai khalifah
 ➤ Pekerjaan dan ganjaran
 ➤ Keuntungan dan kerugian
 ➤ Keadilan Sosial
 ➤ Larangan kerosakan dan kezaliman [2M]
- (ii) Dua sebab sistem ekonomi kapitalis bertentangan dengan Islam :-
 ➤ Semua Keputusan ekonomi di buat oleh Kerajaan
 ➤ Pemilikan individu tidak dibenarkan sama sekali
 ➤ Seluruh kegiatan ekonomi diusahakan secara Bersama (mana-mana jawapan yang munasabah diterima) [4M]
- (d) (i) Dua keistimewaan sistem ekonomi Islam :-
 ➤ Sistem yang lengkap dan menyeluruh berpandukan wahyu Allah SWT
 ➤ Berteraskan nilai dan akhlak Islam
 ➤ Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam [4M]
2. (a)(i) Dua keistimewaan insan berbanding makhluk lain :-
 ➤ Keupayaan berfikir yang dikurniakan Allah kepada manusia untuk membezakannya dengan haiwan
 ➤ Dianugerahkan rasul sebagai pembimbing dalam menuju kebenaran

- Diberikan kitab sebagai panduan agar tidak sesat
- Diberikan tanggungjawab sebagai khalifah untuk beribadat kepada Allah SWT [4M]

(a)(ii) Dua kepentingan Islam mewajibkan umatnya memelihara fitrah kejadian insan :-

- Mendapat keredhaan dan petunjuk Allah SWT dalam menjalani tugas sebagai khalifah.
- Mengukuh keimanan dan menyemai ketakwaan dalam melaksanakan ibadat.
- Menerima kebenaran dan menolak kebatilan dalam setiap perkara yang dilalui.
- Membentuk kehidupan yang harmoni dan sejahtera sesuai dengan kehidupan bersyariat. [4M]

(b) Dua kepentingan wahyu dalam memelihara akal :-

- Wahyu memerintahkan manusia untuk menggunakan akal sepenuhnya.
- Wahyu membimbing akal dalam memelihara kebenaran akidah dan iman.
- Wahyu memastikan kesahihan ibadat yang menjadi tunggak amalan manusia.
- Wahyu menjadi pemandu dalam mempraktikkan nilai dan amalan akhlak mahmudah dalam kehidupan.
- Wahyu memandu akal untuk berfikir secara logic berlandaskan panduan dan syariat Islam.
- Wahyu melindungi akal daripada sebarang perkara yang membawa kepada kerosakan dan kebinasaan
- Lengkap , merangkumi semua aspek kehidupan manusia.
- (Pilih dua kepentingan sahaja) [4M]

(c) Keunggulan sistem perundangan Islam :-

- Ciptaan Allah SWT yang bersih daripada sebarang kelemahan, kekurangan dan hawa nafsu.
- Lengkap merangkumi semua aspek kehidupan manusia.
- Hukuman yang adil tanpa mengira pangkat dan keturunan.
- Hukuman memberi pengajaran supaya penjenayah tidak mengulangi kesalahan.
- Mendidik jiwa manusia supaya takut akan pembalasan Allah SWT.
- (Pilih satu keunggulan sahaja) [2M]

(d)(i) Dua contoh hukuman :-

- Hukuman sebat 100 kali ke atas pezina yang belum berkahwin.
- Kesalahan mencuri dipotong pergelangan tangan.
- Minum arak disebat 40 kali sebatan.
- (Pilih dua jawapan sahaja) [2M]

(ii) Setiap hukuman dalam Islam memberi peringatan kepada semua pihak bahawa penjenayah adalah suatu kesalahan (I) Contohnya hukuman potong tangan kepada pesalah mencuri (H1). Kesannya kehidupan akan mendapat keberkatan dari Allah SWT(H2). Oleh itu kita hendaklah memelihara diri dari melakukan kemungkaran agar sentiasa berada di bawah lembayung Rahmat Allah SWT (R/K) [4M]

3. (a)(i) Prinsip pergaulan Islam yang wajar diamalkan :-

- Mengutamakan keamanan dan kesejahteraan semua pihak.
- Mengikut syariat Islam yang betul.
- Menghormati semua pihak dengan baik.
- (Pilih satu prinsip sahaja) [2M]

(ii) Pada pendapat saya kita dapat melahirkan masyarakat yang menjaga kesucian dan martabat Islam dengan cara mengikuti tatacara pemakaian yang betul (I) kerana pematuhan pakaian yang baik dan menutup aurat adalah lambang adab seseorang. (H1) Kesannya maruah diri akan terpelihara (H2). Kesimpulannya kita hendaklah menjaga tatacara pergaulan agar kita tidak terjebak dalam kancah dosa (K/R)

(b) Dua kesan sekiranya prinsip pergaulan Islam tidak diamalkan dalam kalangan murid sekolah :-

- Membuka ruang berlakunya maksiat dalam kalangan murid seperti pendedahan aurat.
- Menggalakkan perbuatan yang tidak bermoral berleluasa seperti gejala seks bebas. [4M]

(c) Dua ciri sistem pemerintahan Islam :-

- Meletakkan Allah sebagai pemegang kuasa yang mutlak manakala manusia sebagai khalifah Allah SWT yang hanya pemegang Amanah.
- Peranan umat manusia sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memakmurkan muka bumi.
- Melaksanakan amar makruf nahi munkar
- Membebaskan daripada keturunan, warna kulit, Kawasan geografi
- (Pilih dua ciri Sahaja) [4M]

(d) (i) Empat peranan rakyat untuk memastikan sistem tersebut terlaksana :-

- Memberikan taat setia kepada pemerintah,
 - Membantu membenters kemungkaran
 - Bekerjasama dalam mempertahankan keselamatan negara
 - Menghormati kebebasan beragama
- (Empat peranan Sahaja)

[4M]

(ii) Matlamat pembentukan negara Islam ialah :-

- Menegakkan perundangan dan hukum Allah SWT
 - Merealisasikan keadilan supaya tiada yang teraniaya
 - Memastikan Kebajikan rakyat terjamin.
 - Mencapai kemakmuran demi kesejahteraan rakyat
- (Pilih satu matlamat sahaja)

[2M]

4(a)(i) Maksud waqi'iyah ialah :-

- Mengutamakan keamanan dan kesejahteraan semua pihak
- Mengikut syariat Islam yang betul
- Menghormati semua pihak dengan baik

[2M]

(ii) Dua prinsip waqi'iyah :-

- Praktikal dan mampu diamalkan.
 - Menyelesaikan masalah kehidupan.
 - Menekankan kesederhanaan dalam kehidupan.
- (Pilih dua ciri sahaja)

[4M]

(b) Dua kepentingan mengamalkan prinsip 'Alamiyyah dalam kehidupan seharian :-

- Islam mengutamakan bidang kemanusiaan,
- Islam menentang sikap diskriminasi dalam kehidupan.

[4M]

(c)(i) Dua ciri muamalat Islam :-

- Bersumberkan Al-Quran dan Hadis
 - Reda meredai dalam urusan kedua belah pihak
 - Adil dan memberi manfaat.
 - Tiada unsur penipuan.
- (Pilih dua ciri sahaja)

[2M]

(ii) Dua jenis muamalat Islam :-

- Al-Wadiah (simpanan)
 - Al-Mudharabah (pelaburan)
 - Al-Murabahah (jualan menambah keuntungan)
 - Al-Musyarakah (Syarikat)
- (Pilih dua jenis sahaja)

[2M]

(d) Institusi kewangan Islam dapat memartabatkan sistem kewangan Islam di Malaysia dengan cara memberikan penerangan melalui media massa (I) supaya masyarakat tahu kebaikan bermuamalat dengan menyampaikan maklumat dengan pantas dan berkesan (H1). Hal ini kerana liputan media massa dilihat medium yang mudah (H2) Contohnya dapat menyampaikan maklumat

- Kerelaan dalam urusaniaga
 - Tidak mengandungi elemen haram
 - Tidak membawa kepada kerosakkan ekonomi
- (Pilih dua prinsip sahaja)

[4M]

(e) Dua jenis muamalat yang dapat membantu seseorang untuk membeli rumah :-

- Al Murabahah
 - Al Bai' Bithaman Ajil
 - Al Wadiah
- (Pilih dua jenis sahaja)

[2M]

(ii) Sekiranya hanya sekadar menyewa sahaja , maka kelebihan yang akan diperolehi ialah :_

- Tidak akan terlibat dalam hutang yang boleh membebankan hidup. Ini akan membuatkan hidup semakin tenang. [4M]

5 (a) Dua ciri akhlak menurut Islam ialah :-

- Bersumberkan Quran dan Sunnah
- Tetap sepanjang zaman
- Meliputi semua aspek kehidupan (Pilih dua ciri sahaja) [2M]

(b) Dua kesan melaksanakan tanggungjawab seorang hamba dan khalifah Allah SWT dalam aspek Pendidikan ialah :-

- Melahirkan masyarakat yang bertakwa
- Mendapat pendidikan seimbang dari segi rohani dan fizikal
- Melahirkan tenaga pakar untuk mentadbir alam (Pilih dua kesan sahaja) [4M]

(c) Tindakan yang boleh diambil bagi mengelakkan perbuatan menghisap rokok dikalangan pelajar ialah dengan membuat kempen kesedaran tentang bahaya merokok kepada pelajar agar mereka dapat berfikir dengan rasional. Oleh itu, tindakan ini perlu dilaksanakan agar terhindar dari azab Allah SWT [4M]

(d) (i) Dua prinsip kehakiman Islam ialah :-

- Merujuk kepada wahyu Al-Quran dan Hadis
- Mengamalkan adab dan akhlak Islam
- Menentang kezaliman dan menegakkan keadilan (Pilih dua prinsip sahaja) [2M]

(ii) Dua jenis kesalahan hudud beserta hukumannya :-

- Zina : Belum berkahwin disebat 100 kali
- Qazaf : disebat 80 kali
- Minum arak : Disebat 40 kali
- Mencuri : Dipotong pergelangan tangan (Pilih dua jenis hukuman sahaja) [4M]

(e) (i) Hukum qisas ialah kesalahan mengikut syarak yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi [2M]

(ii) Dua Jenis hukuman takzir ialah :-

- Nasihat
- Ancaman
- Denda
- Penjara
- Buang daerah (Pilih dua jenis hukuman sahaja) [2M]

6. (a) (i) Dua adab dan etika berdasarkan sistem sosial Islam ialah :-

- Berpandukan Al-Quran dan Sunnah
- Menghormati kepelbagaian budaya
- Perhubungan atas dasar takwa
- Mengamalkan akhlak mulia (Pilih dua adab dan etika sahaja) [2M]

(ii) Dua cara merealisasikan sistem sosial Islam dalam kehidupan bermasyarakat ialah :-

- Mengadakan gotong royong membersihkan kawasan
- Mengadakan aktiviti sukaneka bersama jiran
- Membuat majlis rumah terbuka diperingkat kejiranan (Pilih dua cara sahaja) [4M]

(b)(i) Dua matlamat institusi kekeluargaan Islam ialah :-

- Melahirkan generasi bertakwa
- Menjaga kehormatan manusia
- Membentuk akhlak mulia

- Memastikan kelangsungan zuriat manusia
(Pilih dua matlamat sahaja)

[4M]

(ii) Tidak menguasai ilmu agama dengan sempurna (I/F) kerana mengerjakan ibadat secara ikut-ikutan sahaja (H1). Hal ini demikian, disebabkan sikap mereka yang suka menangguh ibadah solat sehingga tidak melaksanakannya (H2). Contohnya terlalu asyik bermain sehingga lupa menunaikan solat (H3). Kesannya mereka tidak berasa bersalah apabila tidak mengerjakan solat (H4). Kesimpulannya kita hendaklah menambah pengetahuan tentang agama agar dapat melaksanakan ibadat dengan sempurna (R/K)

[6M]

(c) (i) Dua prinsip negara Islam ialah :-

- Musyawarah - As Syura
- Keadilan - Al Adalah
- Kebebasan - Al Hurriyyah
- Persamaan - Al Musawah
(pilih dua jawapan sahaja)

[2M]

(ii) Kesan jika terdapat khalifah yang mengabaikan tanggungjawab ialah :-

- Dimurkai Allah SWT kerana tidak amanah
- Berlaku penyelewengan dalam pentadbiran
- Terdedah kepada ancaman musuh
(pilih satu jawapan sahaja)

[2M]

JAWAPAN TAMAT